



## **JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

### **TEKS KHUTBAH**

**Tajuk :**

**SEMPIT BERTELEMPU, LEGA BERLUNJUR**

**Tarikh Dibaca :**

**7 MUHARRAM 1444H/  
5 OGOS 2022M**

**Disediakan oleh :**

**Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**

**SEMPIT BERTELEMPU, LEGA BERLUNJUR**

7 MUHARRAM 1444H / 5 OGOS 2022

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الرَّبِّ الْعَظِيْمِ :

﴿أَعُوْذُ بِاللّٰهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ﴾

وَالَّذِينَ إِذَا أَنْفَقُوا لَمْ يُسْرِفُوا وَلَمْ يَقْتُرُوا وَكَانَ بَيْنَ ذَلِكَ قَوَاماً<sup>١</sup>

أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللّٰهُمَّ صَلِّ  
وَسِّلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ  
اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ، أَوْصِيْكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللّٰهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

**SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Pada kesempatan berada pada Hari Jumaat yang mulia ini, saya berpesan kepada diri saya dan kepada sidang Jemaah sekalian. Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita memperolehi keberkatan dan keredhaan serta perlindungan daripada Allah SWT di dunia dan di akhirat. Mimbar pada hari ini akan menyampaikan khutbah yang bertajuk: “**Sempit Bertelempu, Lega Berlunjur**”.

Sebelum itu, khatib ingin menyeru kepada seluruh umat Islam untuk terus mengimarahkan masjid, melaksanakan amar ma'ruf dan nahi munkar serta memelihara hubungan silaturrahim. Teruslah bermunajat kepada Allah SWT agar segala ujian dan kesusahan yang kita hadapi dipermudahkan oleh Allah SWT.

<sup>1</sup> Surah al-Furqan ayat 67

## SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Masyarakat di Malaysia sedang mendepani satu situasi inflasi iaitu kenaikan harga pada barang dan perkhidmatan sehingga menurunkan kuasa beli dalam kalangan masyarakat. Perkara ini sememangnya memberi kesan kepada seluruh masyarakat di Malaysia terutamanya golongan berpendapatan rendah untuk meneruskan kelangsungan hidup mereka lebih-lebih lagi kepada mereka yang sedang bangkit semula akibat pandemik COVID-19.

Dalam berdepan situasi tidak menentu ini, Kerajaan amat serius menangani cabaran inflasi melalui Majlis Tindakan Sara Hidup Negara dan Jawatankuasa Pasukan Jihad Tangani Inflasi sedang giat menjalankan operasi bersepadu agar penyelewengan dan penyeludupan minyak masak serta barang-barang kawalan bersubsidi dibanteras serta melahirkan masyarakat yang bijak berbelanja. Akibat daripada penyelewengan dan penyeludupan ini, negara telah mengalami kerugian jutaan ringgit dan paling menyedihkan apabila hak orang miskin yang sepatutnya mendapat subsidi dari kerajaan telah dinafikan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab.

## SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Jelas dalam Islam, perbuatan menyeleweng dan menyeludup merupakan perbuatan yang ditegah. Perbuatan ini dikenali sebagai *al-ihtikar* iaitu monopoli barang. Imam al-Ghazali menyatakan bahawa *al-ihtikar* sebagai: “*Penjual barang menyimpan barang (kerana) menunggu harga dinaikkan*”. Isu monopoli atau penyelewengan terhadap barang yang menjadi keperluan asas seperti minyak, gula dan sebagainya mampu untuk mengundang pelbagai perkara negatif dan perasaan ketidakteraman dalam masyarakat.

Ajaran Islam sangat mengambil berat terhadap kebajikan masyarakatnya dan sangat tegas dalam hal penipuan serta penyelewengan. Perkara ini dapat dilihat dengan jelas melalui peringatan yang diberikan oleh Allah SWT terhadap orang-orang yang menipu dan melakukan perkara khianat demi kepentingan diri sendiri. Firman Allah SWT menerusi Surah al-Anfaal ayat 27:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءامَنُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَتَخُونُوا أَمْنَتِكُمْ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ <sup>٢٧</sup>

**Maksudnya:** “Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati Allah dan Rasul dan (juga) janganlah kamu mengkhianati amanah yang dipercayakan kepadamu, sedang kamu mengetahui”.

Selain itu, Rasulullah SAW juga bertegas dengan isu penipuan, penindasan dalam seluruh kehidupan manusia termasuk dalam bidang muamalat. Sabda Rasulullah SAW:

مِنْ احْتَكَرَ فَهُوَ خَاطِئٌ

**Mafhumnya:** “Barangsiapa memonopoli barang (ihtikar) maka dia telah melakukan kesalahan”. - Yakni dia telah tersasar jauh dari perkara yang sebenar dan keadilan. (**Hadis riwayat Imam Muslim**)

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Imam al-Kasani berpendapat bahawa pengharaman *ihtikar* dilihat dari sudut kemudaratannya yang boleh berlaku kepada masyarakat umum. Pengharaman *ihtikar* ini juga bertepatan dengan penjagaan terhadap Maqasid al-Syariah iaitu menjaga harta. Dalam penjagaan harta, Islam telah menggariskan prinsipnya iaitu *al-'adl wa ihsan*. Islam sangat menitikberatkan soal keadilan dengan mengharamkan segala bentuk penindasan, pengkhianatan, penipuan, penyelewengan dalam perniagaan dan sebagainya yang boleh menzalimi serta merugikan pihak lain. Tambahan lagi, pengharaman *ihtikar* ini bertepatan dengan kaedah fiqh iaitu apabila berlaku konflik di antara kemudaratannya umum dan khusus, maka kemudaratannya umum perlu dielakkan dengan melakukan kemudaratannya khusus.

### **HADIRIN YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,**

Sebagai seorang pengguna, kita seharusnya bijak dalam berbelanja dan menguruskan kewangan ketika menghadapi inflasi ketika ini. Oleh itu, Islam sangat menuntut umatnya supaya berbelanja dengan berhemah dan berjimat cermat sebagaimana yang dituntut melalui firman Allah SWT melalui Surah al-Furqan ayat 67 yang maksudnya:

“Dan mereka yang apabila membelanjakan harta, mereka tidak berlebih-lebihan dan tidak juga bakhil dan sebaliknya perbelanjaan mereka itu adalah sederhana di antara keduanya”.



Dengan adanya satu pengurusan kewangan yang baik dan terancang, maka ia sedikit sebanyak dapat membantu kita dalam mendepani cabaran suasana ekonomi yang tidak menentu dan kos sara hidup yang meningkat. Kita perlu menjadi lebih prihatin dan berhati-hati pada setiap masa. Antara langkah serta inisiatif yang boleh diambil dalam merancang dan menguruskan kewangan ialah;

**Pertama:** Menyemak serta menyusun semula perancangan kewangan peribadi. Pengguna seharusnya mengutamakan keperluan berbanding kehendak dengan berfikir secara rasional sebelum membuat sesuatu keputusan.

**Kedua:** Amalkan budaya menabung dan tidak terlalu boros supaya ia boleh menjadi persediaan sewaktu kecemasan.

**Ketiga:** Mengelakkan daripada menambah hutang lebih-lebih lagi perkara yang tidak bermanfaat dan tidak berfaedah.

**Keempat:** Mengubah gaya hidup dengan lebih berhemat mengikut keadaan semasa kerana kita tidak lagi boleh meneruskan gaya hidup dan corak perbelanjaan yang sama.

Maka, sebagai seorang pengguna yang bijak, kita seharusnya berbelanja mengikut keperluan ibarat kata pepatah “*sempit bertelempu, lega berlunjur*”.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIBERKATI ALLAH,**

Mengakhiri khutbah pada hari ini, khatib ingin merumuskan khutbah kepada beberapa intipati penting untuk panduan bersama:

**Pertama:** Umat Islam hendaklah sentiasa bersabar dalam menghadapi inflasi kerana ia merupakan satu situasi global yang sukar untuk dielakkan

**Kedua:** Umat Islam hendaklah sentiasa insaf dan takut dengan azab Allah SWT atas segala perbuatan atau tindakan yang mengambil kesempatan, mengkhianati dan menipu para pengguna demi mengejar keuntungan serta kemewahan hidup di dunia ini.

**Ketiga:** Umat Islam hendaklah sentiasa berjimat cermat dan berbelanja secara berhemah dengan menyediakan satu perancangan kewangan yang baik ketika menghadapi situasi inflasi dan kenaikan kos sara hidup ini.

Oleh itu, marilah kita bersama-sama berdoa dan memohon kepada Allah SWT agar kita semua dilimpahkan rezeki yang banyak dan diberkati serta nikmat yang berkekalan supaya kita semua dapat menjalani kehidupan dengan lebih tenang dan bahagia di dunia dan di akhirat. Firman Allah SWT dalam Surah al-Talaq sebahagian ayat 2-3:

...وَمَنْ يَتَّقِ اللَّهَ يَجْعَلُ لَهُ وَخْرَجًا، وَيَرْزُقُهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ وَمَنْ يَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ فَهُوَ

حَسْبُهُ وَإِنَّ اللَّهَ بَلِغُ أَمْرِهِ قَدْ جَعَلَ اللَّهُ لِكُلِّ شَئٍ قَدْرًا ۝

**Maksudnya:** “dan sesiapa yang bertakwa kepada Allah (dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya), nescaya Allah akan mengadakan baginya jalan keluar (dari segala perkara yang menyusahkannya), Serta memberinya rezeki dari jalan yang tidak terlintas di hatinya. Dan (Ingatlah), sesiapa berserah diri bulat-bulat kepada Allah, maka Allah cukuplah baginya (untuk menolong dan menyelamatkannya). Sesungguhnya Allah tetap melakukan segala perkara yang dikehendaki-Nya. Allah telah pun menentukan kadar dan masa bagi berlakunya tiap-tiap sesuatu”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفْعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،

وَتَقْبِلَ مِنِي وَمِنْكُمْ تَلَاقُتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ لِي

وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءُ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،

فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدِنَ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى أَلِهٖ  
 وَاصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
 أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
 أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ  
 بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلِكُتُهُ وَيُصَلِّونَ عَلَى  
 النَّبِيِّ يَا يَاهَا الَّذِينَ ءامَنُوا صَلُوْا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيماً ۝  
 اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ  
 سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا  
 إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.  
 وَارْضُ اللَّهُمَّ عَنِ الْخَلْفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ وَتَابِعِيِ  
 التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضُ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.  
 اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.  
 اللَّهُمَّ أَيْدِ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهِدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةً مَلَكَنَا كِبَاوَهُ دُولِي يُغْرِي  
 مُولِيَا سُرِيِّ قُدوَّكَ بِكِينِدا يُغْرِي دُقْرُتوانِ اكْنُوغُ، السُّلْطَانَ عَبْدَ اللَّهِ رِعَايَةَ الدِّينِ الْمُصْطَفَى  
 بِاللَّهِ شَاهِ بْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ حَاجَ أَحْمَدَ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.  
 وَكَذِلِكَ كِبَاوَهُ دُولِي يُغْرِي مُولِيَا سُرِيِّ قُدوَّكَ بِكِينِدا رَاجِ فِرْمَايُوسُورِيِّ اكْنُوغُ، تُونِكُو  
 حَاجَهُ عَزِيزَهُ أَمِينَهُ مِيمُونَهُ إِسْكَنْدَرِيَهُ بِنَتِ الْمَرْحُومِ الْمُتُوكِلِّ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانَ  
 إِسْكَنْدَرِ الْحَاجِ.  
 اللَّهُمَّ احْفَظْ عَلِمَاءَهُ وَوزَرَاءَهُ وَقَضَاهُهُ وَعَمَالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ  
 يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيْزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَآمِنٍ وَآمَانٍ،  
وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِرِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّنْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،  
وَأَخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِيْ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ ادْفُعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمَحْنَ وَالْفَقْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا  
وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدَنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بَلَدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.  
اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ  
الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah, merayu agar Engkau ampunkan segala dosa yang telah kami lakukan. Ya Allah! Cukupkanlah kami dengan rezeki yang halal dan jauhkanlah kami dari rezeki yang haram. Cukupkanlah kami dengan kurniaan-Mu dari bergantung kepada selain-Mu. Hindarkanlah kami dari sebarang fitnah, bala bencana, waba' penyakit, perbuatan-perbuatan keji dan munkar, seperti rasuah, salah guna kuasa dan hiburan yang melalaikan. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Satukanlah kami atas agama-Mu dan hindarkan kami dari perselisihan yang berpanjangan. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta tekun mengimarahkan masjid. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ  
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ..  
فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَهِ يَزْدَكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.